

AMARAN DATUK SERI NAJIB

# Jangan suka bertelagah

B. Harian (M)

22 APR 1988

Percakaran sesama pegawai jejas semangat atlit

Oleh **KHAIRUL ANUAR HAJI MOKHTAR**

MENTERI Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Razak mahukan semua pegawai sukan negara menghentikan pertelagahan sesama sendiri dan menumpukan perhatian untuk kemajuan sukan negara.

"Persatuan-persatuan sukan kebangsaan masih dijadikan medan 'percakaran' pegawai-pegawai dan amalan ini boleh membantutkan segala aktiviti yang diatur," kata Najib.

Beliau yang juga Pengerusi MSN berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai beberapa persatuan sukan kebangsaan yang lebih banyak bertelingkah sesama mereka daripada menjalankan usaha meningkatkan pencapaian sukan masing-masing.

"Pemimpin-pemimpin serta ahli-ahli sukan sepatutnya bergerak seiring dan bekerja dengan moni di samping berusaha menyelesaikan

masalah dan meningkatkan pencapaian.

"Sebaliknya, sejak kebelakangan ini, pertelingkahan lebih menonjol di kalangan mereka. Lebih buruk lagi, atlit pula menjadi mangsa daripada perbuatan mereka," jelas beliau.

Datuk Seri Najib berkata, bukan setakat itu sahaja, ada pula pemimpin sukan berusaha sedaya mungkin mengekalkan ahli sukan yang sudah merosot pencapaiannya sedangkan masih ramai yang berpotensi patut diketengahkan.

"Berdasarkan Sukan SEA akan berlangsung di Kuala Lumpur tahun depan, saya tidak mahu ada lagi persatuan sukan membangkitkan perkara-perkara yang merugikan, sebaliknya mengemaskan pentadbiran untuk memastikan pelaksanaan program latihan dua tahun berjalan dengan baik," tegasnya.

Hingga kini, Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM), Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (Koam) dan Persekutuan Silat Olahraga Ke-

bangsaan (Pesaka) belum memulakan latihan Sukan SEA meskipun program latihan sudah diluluskan oleh MSN.

"MSN sudah memberi banyak peluang kepada badan-badan sukan, malah pada tempoh dua tahun lepas pelbagai kemudahan diberikan dan sepatutnya mereka tahu apa yang kita harapkan," jelas Datuk Najib.

Datuk Najib berkata, cemerlang atau tidaknya pencapaian atlit negara di Sukan SEA tahun depan bergantung kepada keupayaan pemimpin badan sukan kebangsaan serta dorongan atlit itu sendiri.

● Mengenai jenis sukan yang akan dipertandingkan pada Sukan SEA, Datuk Najib berkata, Malaysia pada dasarnya tidak bersetuju dengan beberapa jenis sukan yang dicadangkan oleh negara anggota yang lain.

Beliau bagaimanapun, memberi jaminan bahawa usaha-usaha sedang dilakukan untuk menyenarai-kan permainan yang mana kita berkeupayaan memenangi pingat.